


Mesyuarat Agung PIBG SMK Taman Perumahan Bedaun Tahun 2021




Labuan, 10 April – SMK Taman Perumahan Bedaun (SMK TPB) telah melaksanakan Mesyuarat Agung PIBG bagi tahun 2020/2021 dengan Norma Baharu secara atas talian Google Meet bertempat di kediaman masing-masing. Mesyuarat yang dijalankan bermula jam 9.00 pagi hingga 11.50 pagi itu turut dihadiri oleh Pegawai Angkat Sekolah, Encik Mohd. Firlii Firzuan Lee Abdullah, ibu-bapa dan guru-guru SMK TPB. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YDP PIBG SMK TPB iaitu En. Peter Wong.

Seramai 120 orang ibu bapa dan guru telah telah menghadiri mesyuarat ini secara atas talian termasuk juga melalui saluran FaceBook SMK TPB yang disiarkan secara langsung kepada ibu bapa bagi yang tidak dapat mengikuti secara Google Meet.

Pengetua SMK TPB, Encik Ag. Rozlan b. Manan dalam ucapannya berkata reputasi sekolah selama dua tahun telah

menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dari aspek kurikulum mahupun kokurikulum. Selain itu, pihak sekolah sedang giat menjalankan kerja-kerja naik taraf beberapa fasiliti dan penyelenggaraan bangunan sekolah agar menjadi lebih kondusif dan selamat kepada warga sekolah khususnya murid-murid.



Pengetua membentangkan program-program sekolah untuk peningkatan pencapaian peperiksaan SPM YDP PIBG, Encik Peter Wong pula dalam ucapannya berkata usaha guru-guru yang komited dalam mendidik anak-anak perlu disokong oleh ibu bapa dengan memberikan sokongan dan kerjasama yang jitu agar kecemerlangan sekolah dapat dikekalkan.


Bendahari PIBG, Encik Ivan Lai telah membentangkan laporan prestasi kewangan PIBG bagi tahun 2019 dan tahun 2020. Selain itu juga, beberapa usul telah dibentangkan dalam mesyuarat agung PIBG ini telah mendapat kelulusan sebulat suara oleh ahli mesyuarat demi kemajuan dan penambahbaikan pendidikan murid-murid SMK TPB sejajar Motto sekolah ini iaitu Kemenjadian Setiap Murid Aspirasi Kami. Antara usul yang dipersetujui adalah tambahan sumbangan PIBG bagi anak-anak yang berada dalam kelas peperiksaan PT3 dan juga SPM. Tambahan dana ini adalah

salah satu bentuk sokongan padu dan komitmen ibu bapa dalam membantu pihak sekolah mengekalkan prestasi cemerlang pencapaian 100 peratus lulus SPM seperti tahun sebelumnya.

YDP PIBG, En. Peter Wong dalam ucapan penangguhannya berkata, ibu bapa perlu memberi kerjasama dan sokongan jitu terhadap usaha pihak sekolah dan guru-guru dalam setiap aktiviti dan pembangunan murid secara menyeluruh. Beliau juga mengucapkan terima kasih atas komitmen ibu bapa memastikan anak-anak sentiasa menjaga SOP yang telah digariskan dalam memastikan persekitaran sekolah kekal selamat untuk sesi persekolahan berlangsung.

Mesyuarat Agung PIBG SMK TPB tamat pada jam 11.50 pagi dan telah berlangsung dengan baik dan lancar hasil kejasama semua pihak dalam menjayakannya. Turut hadir penolong kanan pentadbiran Pn. Chai Yee San, Penolong Kanan HEM En. Awang Adi bin Tuah dan Penolong kanan Kokurikulum Pn. Lau Chin Ying.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedau



Ibu bapa dan guru mengikuti mesyuarat secara atas talian menggunakan saluran Google Meet dan juga FB Live SMK TPB.

← → C meet.google.com/bix-efux-vgc?authuser=1

Sharing this tab to www.facebook.com Stop

REC SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN PERUMAHAN BEDAUN Moe is presenting MARCELA BINTI MAIKEL ... and 44 more 243 11:47 AM You


JAWATANKUASA PIBG SMK TPB 2021/2022

BIL.	NAMA	NO KAD PENGENALAN	JAWATAN
1.	PETER WONG	751127-12-5167	YANG DI-PERTUA
2.	PN. SAPAH BT. OMAR	691113-12-5228	NAIB YANG DI-PERTUA
3.	ABDUL KADIR BIN ALI	871217-01-5259	SETIAUSAHA
4.	IVAN LAU	790618-12-5139	BENDAHARI
5.	SALIM BIN BUDRI	740607-12-5779	AJK IBU BAPPA
7.	VELINA STELLA BT. DUNSIAH	740210-12-5252	AJK IBU BAPPA
8.	SAIMAH SLUGIN	780704-12-5638	AJK IBU BAPPA
9.	NURUL FAEZAH BINTI ABDULLAH	880412-49-5408	AJK GURU
10.	NOORAIN BINTI TUAH	850311-15-5036	AJK GURU
11.	NUR HAFIZAH BINTI SAWAH	940331-12-6346	AJK GURU
12.	AZZIF BIN ANUWAR	821228-12-5079	AJK GURU
13.	IRWAN BIN NAIM	830330-12-5635	JURU AUDIT DALAMAN
14.			JURU AUDIT DALAMAN

Meeting details ^

Raise hand Turn on captions SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN PERUMAHAN BEDAUN Moe is presenting

Type here to search



Perlantikan Ahli Jawatankuasa PIBG SMK Tmn Perumahan Bedaun bagi sesi 2021/2022